



KENYATAAN MEDIA PEJABAT PERDANA MENTERI

Bermula daripada Ahad, 22 Mac 2020 jam 12.01 pagi, Angkatan Tentera Malaysia akan ditugaskan untuk membantu Polis Diraja Malaysia dalam menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan dalam membasmi penularan wabak COVID 19.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mematuhi segala arahan daripada pihak berkuasa sepertimana keperluan dalam Perintah Kawalan Pergerakan. Tindakan tegas akan diambil terhadap orang ramai yang ingkar dan tidak mematuhi perintah tersebut.

Pejabat Perdana Menteri

20 Mac 2020